


Indah Water Consortium lepaskan air kumbahan ke sungai



ABDUL RAHMAN Palli menunjukkan air sungai yang dicemari air kumbahan dari **loji kumbahan najis Taman Cempaka Sari, Klang, Selangor.**

Ketua Jabatan Komunitasnya, Amin Lin Abdullah menjelaskan, air kumbahan dari setiap kediaman akan dimasukkan ke dalam sebuah loji yang mempunyai dua kolam untuk 'dirawat' terlebih dahulu sebelum dialirkan semula ke dalam sungai. "Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang, hanya sebuah kolam yang masih berfungsi manakala sebuah lagi terpaksa dikosongkan bagi mengeluarkan 'enap-ce-mar' (pepejal)," katanya.

Tambah beliau, setiap bulan IWK akan mengambil sampel air sungai untuk tujuan pemeriksaan bagi menentukan ia mengikut piawaian yang ditetapkan.

Ekoran kerja-kerja baik pulih, katanya, notis pembertahan telah dimaklumkan kepada penduduk pada penghujung Mei lalu. "Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Oktober ini dan kami menjangkakan masalah air kumbahan yang tidak dirawat semurnya tidak akan berlaku," katanya.

Olleh ZAINI RABAN dan CYNTHIA YEON

Air sungai ini sudah menjadi hitam macam air longkang kerana pencemaran air kumbahan IWK dari Taman Cempaka Sari

ABDUL RAHMAN PALLI
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sementa

Jelas Abdul Rahman, antara alasan yang sering diberikan oleh IWK ialah mereka tidak mampu memperbaiki sistem kumbahan di taman perumahan yang dikatakan tidak mampu memperbaiki sistem kumbahan ke dalam sungai kerana bim-bang ia akan melimpah atau membanjiri rumah penduduk Taman Cempaka Sari.

"Saya dimaklumkan oleh IWK, apabila tidak mampu berfungsi dengan baik. "Kalaupun sudah tahu sistem pam kolam itu rosak kenapa tidak diperbaiki dan alasan IWK tidak ada wang untuk memperbaiki bukan sahaja menyebabkan kemarahan penduduk sekitar malah menyebabkan air sungai berkecauan tercemar.

"Air sungai ini sudah menjadi hitam macam air longkang kerana menerima air kumbahan IWK dari Taman Cempaka Sari. Ia terus mengalir ke pantai Rantau Panjang. Perbuatan IWK amat mendukacitakan saya dan penduduk di sini kerana jelas mencemarkan alam sekitar.

"Sikap tidak bertanggungjawab ini begitu sukar diterima penduduk apatah lagi air kumbahan yang busuk mulai mengancam kesihatan mereka terutama yang tinggal berhampiran sungai," katanya.

Paling dikesalkan, katanya, walaupun banyak aduan telah dibuat, IWK masih melepaskan air kumbahan tersebut ke dalam sungai.

"Kata Abdul Rahman, jika IWK masih menuruskan tindakan tidak bertanggungjawab itu, beliau akan membawa perkara tersebut ke pengetahuan kerajaan negeri dan pihak berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Sementara itu, IWK ketika dihubungi hari ini, menjelaskan, pihaknya menyedari bahawa air kumbahan terawat yang disalurkan ke dalam sungai tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Justeru, kerja-kerja membaik pulih loji membolehkan kos sebanyak RM82,000 sedang dijalankan di loji kumbahan Taman Cempaka Sari.